



NEGERI PAHANG

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PAHANG GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 70  
No. 19

**21hb September 2017**

*TAMBAHAN*  
*No. 1*

---

**No. 1653.**

AKTA EKSAIS 1976

(Akta 176)

PERATURAN-PERATURAN EKSAIS (LEMBAGA PELESENAN) 1977  
MESYUARAT LEMBAGA PELESENAN EKSAIS

Notis adalah diberitahu bahawa Mesyuarat Lembaga Pelesenan Eksais Daerah Kuantan akan diadakan pada 25 September 2017 ( Isnin ) di Bilik Mesyuarat Pegawai Daerah, Pejabat Daerah dan Tanah Kuantan, Bandar Indera Mahkota, Kuantan, Pahang jam 3.00 petang.

2. Semua permohonan untuk lesen, pembaharuan lesen atau pindah milik lesen bagi tempoh mulai dari 1 Julai 2017 hingga 31 Disember 2017 hendaklah dibuat di dalam borang "Eksais 27" yang telah ditetapkan (dalam lima salinan) dan dihantar kepada Pengurus, Lembaga Pelesenan Eksais Kuantan di alamat Pejabat Daerah dan Tanah Kuantan dan mesti sampai sebelum 30 hari dari tarikh mesyuarat diadakan.

3. Permohonan untuk lesen baru hendaklah diiklankan atas perbelanjaan pemohon-pemohon sendiri iaitu:

- (i) dengan mempamerkan satu salinan permohonan itu di bangunan/tempat di mana perniagaan itu akan dijalankan dalam tempoh sekurang-kurang 30 hari sebelum mesyuarat itu diadakan; dan

# WARTA KERAJAAN NEGERI PAHANG

1114

[21hb Sept. 2017]

- (ii) dengan mengiklan permohonan itu di dalam dua jenis akhbar (Bahasa Malaysia dan Inggeris/Cina) dalam tempoh yang tersebut di dalam perenggan (a) di atas dan keratan iklan itu hendaklah dihantar ke Pejabat Daerah Kuantan.

Bertarikh 8 September 2017  
[PDT.Ktn.M-07 Jld. 3]

DATO' ZALIZA BIN ZULKIPLI  
*Pegawai Daerah Kuantan*  
*Pengerusi*  
*Lembaga Pelesenan Eksais*  
*Kuantan*

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
KUALA LUMPUR  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA